

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**

**SOALAN : NO. 55**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah PTPTN akan mengambil langkah menghapuskan Sistem CCRIS dan CTOS yang dilihat memberi kesan buruk kepada peminjam selepas tamat belajar.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyenaraian peminjam PTPTN di dalam Sistem Rujukan Kredit Bank Negara adalah bertujuan untuk mendidik peminjam agar lebih berdisiplin dan bertanggungjawab dalam menguruskan hutang serta memastikan komitmen bayaran bulanan mereka dibuat secara konsisten. Sistem Rujukan Kredit Bank Negara bukanlah satu senarai hitam tetapi adalah suatu kaedah merekodkan corak bayaran balik bulanan (*credit behavior*) untuk tempoh 12 bulan terdahulu sebagai rujukan kepada institusi kewangan yang berkaitan. Mana-mana peminjam yang mempunyai masalah bayaran balik boleh membuat rundingan dengan PTPTN sama ada melalui talian *Careline* atau hadir ke mana-mana cawangan PTPTN di seluruh negara.

Pada masa ini, PTPTN tidak bercadang untuk memberhentikan penggunaan Sistem Rujukan Kredit Bank Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PTPTN tidak menyenaraikan peminjam di dalam sistem CTOS.